


BACAAN AL FATIHAH: SEKITAR PERSOALAN MENGENAINYA

Oleh: Ustaz Mohd Akharri Bin Ghazali

Imam Eksekutif ii,

Masjid Abidin (Masjid Negeri), Terengganu Darul Iman



1) Apakah hukum membaca surah Al Fatihah pada setiap rakaat di dalam solat?

Berdasarkan mazhab Syafi'e, membaca surah Al Fatihah adalah salah satu rukun daripada rukun-rukun solat. Ulama Mazhab Syafi'e mewajibkannya secara mutlak. Ianya dibaca pada setiap rakaat sama ada bagi imam atau makmum. Ini berdasarkan hadis Nabi s.a.w yang bermaksud:

"Tidak(sah) solat bagi seseorang yang tidak membaca Fatihatul Kitab(surah Al Fatihah)." (Riwayat Al Bukhari)

Timbul juga persoalan adakah bacaan surah Al Fatihah bagi makmum di belakang imam di dalam solat jahriyyah (solat yang dikuatkan suara) dan solat sirriyyah (solat yang tidak dikuatkan suara) wajib untuk semua rakaat?

Al-Hafiz Ibnu Hajar mengatakan di dalam kitab beliau Fathul Bari: " Perintah membaca surah Al Fatihah telah ditetapkan bagi makmum(di dalam solat) jahriyyah ataupun sirriyyah tanpa ada batasan. Hal itu juga diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam bab qira'ah(bacaan) samada ia dapat mendengar bacaan imam ataupun tidak."

Ini bermakna bacaan surah Al Fatihah wajib dibaca dalam keadaan macam mana sekalipun di dalam setiap rakaat solat.

2) Apakah hukum tidak membaca Basmalah (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ), tetapi terus bermula dengan ayat Alhamdulillah?

Menurut pendapat ulama Mazhab Syafi'e, Basmalah wajib dibaca kerana ianya adalah salah satu ayat daripada ayat surah Al Fatihah seperti yang termaktub di dalam mushaf Al Quran. Terdapat hadis daripada Ummu Salamah r.a menceritakan:

"Rasulullah s.a.w menghitung Basmalah sebagai satu ayat (daripada surah Al Fatihah)."

(Riwayat Ibnu Khuzaimah & al-Hakim dengan sanad yang sahih)

Berkata juga Syeikhul Islam Abu Yahya Zakaria Al Ansari rahimahullah di dalam kitab beliau Fathul Wahhab:

"Sesungguhnya bilangan ayat surah Al Fatihah ialah tujuh(ayat) dan kalimahnyanya ialah 29."

(Kashifah Al Suja': 62)

Di dalam musnad Imam As Syafi'e terdapat riwayat daripada Soleh Mawla At Tuamah yang menceritakan:

"Sesungguhnya Abu Hurairah r.a memulakan solatnya dengan membaca Basmalah."

(Musnad Imam As Syafi'e)

Oleh yang demikian dengan meninggalkan bacaan Basmalah, solat kita dikira tidak sah malahan batal menurut Mazhab Syafie.

3) Apakah hukum membaca Isti'azah (أعوذ بالله من الشيطان الرجيم) sebelum Al Fatihah?

Diriwayatkan di dalam hadis Nabi s.a.w, bahawa Baginda s.a.w akan membaca Isti'azah sebelum membaca surah Al Fatihah di dalam solat.

Jumhur ulama daripada kalangan sahabat, tabi'in, para imam mazhab seperti Imam Abu Hanifah, Imam Syafi'e dan Imam Ahmad berpendapat bahawa hukum membaca Isti'azah adalah sunat bukannya wajib. Pendapat ini boleh dirujuk di dalam kitab Al Majmu' karangan Imam An Nawawi rahimahullah.

Dalil pensyariatian Isti'azah adalah diambil daripada firman Allah s.w.t di dalam surah An Nahli yang bermaksud:

" Apabila kamu hendak membaca Al Quran maka hendaklah kamu memohon perlindungan dengan Allah daripada hasutan syaitan yang direjam." (Surah An Nahl: 98)

Menurut Imam Syafi'e lagi, Istia'zah sunat diulangi pada setiap rakaat dan yang paling utama adalah pada rakaat pertama. Sekiranya kita meninggalkan bacaan Isti'azah samada dalam keadaan terlupa, jahil atau sengaja, maka tidak perlulah diulangi serta tidak perlu sujud sahwi.

Di dalam kitab Fiqhul Islami Wa Adillatuh, Dr.Wahbah Az Zuhaili ada menyebut :

" Sunat membaca Istia'zah secara perlahan di permulaan setiap rakaat sebelum membaca surah Al Fatihah dengan mengucapkan اَعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطٰنِ الرَّجِيْمِ. Kemudian diikuti membaca Basmalah dengan suara yang kuat di dalam solat jahriyyah menurut Mazhab Syafi'e."

4) Bilakah keadaan membaca isti'azah secara *jahr* (nyaring) dan *sirr* (perlahan)?

Isti'azah dibaca secara *jahr* (nyaring) dalam keadaan-keadaan berikut:

- i. Apabila membaca Al-Quran secara kuat dan ada orang yang mendengarnya.
- ii. Pada permulaan pelajaran.

Isti'azah dibaca secara *sirr* (perlahan) pada keadaan-keadaan berikut:

- i. Di dalam solat.
- ii. Ketika bertadarus dan bukan menjadi orang yang mula-mula membaca.
- iii. Ketika membaca seorang diri samada bacaan itu kuat mahupun perlahan.



" Surah Al Fatihah merupakan rukun di dalam solat, justeru wajib bagi setiap individu untuk mempelajarinya sehingga bacaannya betul menurut hukum tajwid. Jika tidak, maka solat kita tidak sempurna seterusnya memungkinkan untuk tidak diterima oleh Allah s.w.t. Jangan sesekali kita mengambil mudah berkaitan persoalan agama dalam kehidupan seharian. Bertanyalah kepada sesiapa yang mengetahui supaya urusan ibadat kita menepati sebagaimana kehendak Islam itu sendiri."

MAKLUMAN!

Maqalah Dakwah adalah suatu penulisan ringkas berbentuk ilmiah yang diterbitkan dua minggu sekali di bawah Unit Dakwah & Informasi, Masjid Abidin (Masjid Negeri), Terengganu Darul Iman. Maqalah Dakwah boleh didapati pada setiap hari Jumaat minggu pertama dan ketiga setiap bulan mengikut kalendar Masehi di dewan solat muslimin dan muslimat. Sebarang teguran daripada muslimin dan muslimat amatlah dialu-alukan bagi menambah baik pengurusan pengimarahannya masjid.